

Kerajaan tidak akan campur tangan isu pembelian saham TRI

UM 25 MAR 2002

SUBANG 24 Mac — Kerajaan tidak akan campur tangan dalam urusan antara Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta) dan Tan Sri Tajudin Ramli berhubung cadangan penjualan saham milik Tajudin yang dijadikan jaminan pinjaman.

Pada masa yang sama, kerajaan tidak akan menghalang Tajudin daripada memohon injunksi mahkamah bagi menghalang Danaharta menjual saham-saham miliknya itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan berpendirian demikian kerana urusan antara kedua-dua pihak itu adalah urusan pihak swasta.

“Kita serahkan kepada mereka untuk menyelesaikannya. Ini bukan soal kerajaan. Ini isu swasta, isu syarikat,” katanya kepada pemberita di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, hari ini.

Beliau berkata, pembelian saham TRI itu untuk menyambut kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dari lawatan ke Rusia, Jerman dan Poland.

Pinjaman bank oleh Tajudin itu sudah menjadi pinjaman tidak berbayar (NPL) dan telah diserahkan kepada Danaharta untuk dikendalikan.

Abdullah menambah, Tajudin bebas mengambil apa juga tindakan bagi menghalang penjualan tersebut jika beliau berpendapat itu adalah haknya.

Bagaimanapun, tegas Abdullah, selaku agensi pengurusan aset nasional, Danaharta juga mempunyai peranannya tersendiri dalam menguruskan perkara-perkara yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

“Jadi biarlah Danaharta kendalikan perkara ini,” katanya.